

01 JAN 1998

RAKYAT DIMINTA BERJIMAT-CERMAT DALAM TAHUN 1998

JOHOR BAHRU, 1 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman menyeru rakyat negeri ini berjimat cermat semasa berbelanja sebagai azam tahun baru mereka.

Katanya, rakyat perlu menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memberikan pengorbanan dalam usaha memulihkan krisis ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

"Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh rakyat ialah mengurangkan pembelian barangan import dan meningkatkan pengeluaran makanan tempatan yang boleh dieksport," katanya pada majlis perjumpaan pegawai-pegawai dan anggota perkhidmatan awam, di sini hari ini.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri akan mengadakan pertemuan dengan pengusaha industri yang berorientasikan eksport, seperti pengusaha kelapa sawit, perabot, bunga orkid, ayam dan tekstil untuk membantu mereka meningkatkan pengeluaran.

Kerajaan negeri juga telah mengenal pasti kawasan seluas 30,000 hektar sebagai zon tanaman makanan pertanian di negeri ini.

"Oleh itu, kita berharap pengusaha-pengusaha makanan pertanian dan sebanyak 27 Pertubuhan Peladang Kawasan dapat berkerjasama dengan kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan di negeri ini, katanya. -- BERNAMA

RAM RI